

## SOALAN LAZIM UNTUK JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN.

### 1. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan perkhidmatan dietetik klinikal?

Terdapat 2 perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai dietetik iaitu:

- a) perkhidmatan dietetik klinikal pesakit dalam
- b) perkhidmatan dietetik klinikal pesakit luar.

Untuk perkhidmatan pesakit dalam, pesakit perlu dirujuk oleh Pegawai Perubatan untuk khidmat *Medical Nutrition Therapy* di wad manakala , pesakit luar perlu dirujuk oleh Pegawai Perubatan di Klinik Pesakit Luar/ Klinik Pakar dan dilihat oleh Pegawai Dietetik di Klinik Diet berdasarkan temujanji.

### 2. Adakah pesakit akan dibekalkan dengan produk khusus/ enteral yang digunakan semasa dalam wad setelah discaj?

Pesakit tidak akan dibekalkan produk khusus setelah discaj. Sekiranya penggunaan produk khusus perlu diteruskan selepas discaj, pesakit perlu membeli sendiri produk tersebut seperti yang dicadangkan oleh Pegawai Dietetik.